

Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah dan Metodologi Dakwah Islamiah di Kalangan Pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH)

Syahrul Faizaz Binti Abdullah
Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah
faizaz@uum.edu.my

Azizah Othman
Fakulti Pengurusan Perniagaan
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah
o.azizah@uum.edu.my,

Solahuddin Ismail
Fakulti Pengurusan Awam Dan Undang-Undang
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah
solahuddin@uum.edu.my

Abstrak: Kajian ini meninjau tentang kefahaman pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah tentang kerja-kerja dakwah. Populasi kajian seramai 637 orang dan seramai 204 te pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian dari fakulti Usuluddin, Syariah dan Bahasa Arab. Dua aspek utama yang akan dilihat iaitu kefahaman tentang konsep dan kefahaman tentang metodologi dakwah. Data dikutip dengan menggunakan borang soalselidik dan dianalisis dengan prisian komputer SPSS. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi didapati bahawa kefahaman pelajar-pelajar tentang konsep dakwah tinggi manakala kefahaman tentang metodologi dakwah di peringkat sederhana. Kajian juga mendapati terdapat perhubungan antara tahap kefahaman pelajar tentang konsep dakwah dengan tahap kefahaman tentang metodologi dakwah. Oleh itu kajian ini mencadangkan supaya usaha-usaha dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman pelajar-pelajar tentang kerja-kerja dakwah sebagai persediaan kepada mereka untuk melaksanakan tanggungjawab ini dalam masyarakat.

Katakunci: dakwah, pendakwah, konsep asas dakwah dan metodologi dakwah.

PENGENALAN

Secara umumnya, dakwah jika dikaitkan dengan agama adalah suatu usaha atau proses untuk melahirkan kewujudannya(agama) dalam realiti kehidupan yang dapat dirasai dan dikesan(Abdullah Muhammad Zin:1997). Menurut al-Qardawi dakwah adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah swt dan melaksanakan segala ketentuan Allah di muka bumi ini. Selain itu menundukkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat setia hanya kepada Allah, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang lain dari Allah(thaghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkar dan berjihad pada jalanNya.(al-Qardawi:1983). Dr. Muslih al-Bayumi(1976) pula mendefinisikan dakwah itu sebagai pelaksanaan alim ulama' dan orang-orang yang memahami agama, mengajar orang ramai supaya mereka dapat memahami perkara-perkara agama dan dunia sekadar kuasa yang ada pada mereka.

Dari pengertian di atas dapatlah dirumuskan bahawa penyampai dakwah atau pendakwah (da'i) merupakan tunjang utama untuk memastikan kejayaan dakwah kerana ia adalah salur utama ke arah membumikan ajaran Islam. Pendakwah yang berjaya ialah mereka yang mampu untuk menarik orang ramai terdiri daripada berbagai-bagai bentuk mentaliti kecenderungan, status dan ilmu pengetahuan mengikuti dan menghayati ajaran Islam sebagai satu cara hidup. Kejayaan usaha dakwahnya bergantung kepada penguasaannya dalam aspek-aspek berikut : iaitu memahami Agama Allah, qudwah

hasanah, sabar, lemah lembut dan pembelas, memudahkan bukan menyusahkan, tawadhu dan merendah diri, manis muka dan manis tutur kata.(Berhanudin Abdullah,1997:64)

Bagi mencakupi pra syarat yang ditetapkan di atas tidak dapat tidak pendakwah Islam yang berkesan adalah orang yang mendapat pendidikan agama yang sempurna.

Jika dilihat dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, Institusi-institusi pengajian Agama Arab merupakan institusi pendidikan yang menawarkan bidang pengajian Islam kepada pelajar-pelajarnya. Antaranya ialah Institusi pengajian Pondok dan Institusi Pengajian Tinggi, Malah sejak dulu lagi pelajar-pelajar aliran agama merupakan pendakwah-pendakwah yang mendapat tempat di kalangan masyarakat Malaysia .

PENYATAAN MASALAH

Dari urutan sejarah, didapati sikap dan usaha umat Islam dalam gerakan dakwah menghadapi keadaan turun naik dan pasang surut, sama ada dakwah ke dalam(kepada orang-orang Islam) atau dakwah keluar (kepada orang-orang bukan Islam). Pada peringkat awal pendakwahan Islam dan beberapa kurun berikutnya gerakan dakwah begitu memuncak dan diambil perhatian berat oleh keseluruhan umat Islam. Bagi kebanyakkan mereka , di mana pun mereka berada penyebaran agama Islam tetap dirasakan sebagai satu tanggungjawab. Dengan demikian ajaran Islam dapat berkembang dengan cepat, dan bilangan orang Islam bertambah dalam masa yang agak singkat.(Mohd Amin Abdul Rahim, 2001:hal. 9)

Selepas kurun ke-14 gerakan dakwah agak menurun (Parshall, 1992:115). Sebahagian umat Islam merasa mereka tidak ada kena mengena dengan dakwah, dan mereka menganggap dakwah dakwah hanya tanggungjawab para ulama dan pendakwah khusus. Malangnya tidak pula semua yang dilabelkan sebagai ulama dan pendakwah itu sanggup melibatkan diri secara aktif dalam gerakan dakwah. Akibatnya perkembangan agama Islam seolah-olah terhenti dan statik.

Di Malaysia, peningkatan aktiviti dakwah Islamiah semakin ketara bermula pada awal 70-an dengan adanya sokongan dan penyertaan dari pihak kerajaan dan rakyat. Selain usaha dakwah yang dijalankan oleh pihak kerajaan, muncul beberapa golongan umat Islam yang bergerak aktif sama ada secara perseorangan atau melalui pertubuhan-pertubuhan dakwah dalam usaha untuk mengembangkan syiar Islam kepada masyarakat Malaysia. (Wahidah Yusof,1997: 27)

Pendakwah-pendakwah yang bergerak secara individu umumnya berpendidikan agama-Arab menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah secara sukarela terutama di kampung-kampung atau kawasan luar bandar. Tempat yang menjadi tumpuan pendakwah ini ialah masjid dan surau, di mana mereka mengadakan kuliah-kuliah agama berkenaan dengan pelajaran tauhid, tasawuf dan fekah yang bertujuan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat.(Wan Hussein Azmi Abdul Kadir, 1984:hal. 26)

Persoalannya sejauh manakah pelajar INSANIAH sebagai sebuah institusi pengajian Agama Arab memahami tentang kerja-kerja dakwah. Maka kajian ini cuba mengenalpasti tahap kefahaman pelajar-pelajar Insaniah tentang kerja-kerja dakwah dan bagaimana mereka melaksanakannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengkaji penglibatan mahasiswa INSANIAH dalam kerja-kerja dakwah.

Objektif khusus kajian ini pula adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar-pelajar Insaniah terhadap konsep asas dakwah Islamiah dan metodologi dakwah Islamiah
2. Mengenal pasti perhubungan antara tahap kefahaman tentang konsep dakwah Islamiah dengan tahap kefahaman tentang metodologi dakwah Islamiah.

PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah tahap kefahaman pelajar-pelajar Insaniah terhadap kerja-kerja dakwah?
2. Adakah terdapat perhubungan antara tahap kefahaman tentang konsep dakwah Islamiah dengan tahap kefahaman tentang

metodologi dakwah Islamiah?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana ia akan memberikan gambaran yang jelas terhadap kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH tentang konsep asas dakwah dan metodologi dakwah Islamiah kerana mereka adalah golongan yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang agama. Ia juga dapat mendalamai masalah-masalah yang dihadapi dan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pihak-pihak yang terbabit untuk mencari alternatif ke arah usaha dakwah yang lebih berkesan di kalangan masyarakat. Selain itu kajian ini juga akan menjadi pemangkin kepada kajian-kajian seterusnya yang berkaitan dengan usaha-usaha dakwah dan yang berkaitan dengannya.

SKOP KAJIAN

Kajian ini akan meninjau tentang kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH terhadap kerja-kerja dakwah dan pelaksanaannya. Kajian ini mengkhususkan kepada pra-syarat bahawa pendakwah yang berjaya perlu mendapat pendidikan formal dan mempunyai kefahaman yang tinggi tentang kerja-kerja dakwah. Ia mengikut teori Berhanudin Abdullah (1997) usaha dakwahnya bergantung kepada penguasaannya dalam aspek-aspek berikut : iaitu memahami Agama Allah, qudwah hasanah, sabar, lemah lembut dan pembelas, memudahkan bukan menyusahkan, tawadhu dan merendah diri, manis muka dan manis tutur kata. Untuk itu kajian ini akan menumpukan kepada tiga fakulti pengajian Islam iaitu Fakulti Syariah, Fakulti Usuluddin dan Bahasa Arab.

DEFINISI KONSEPSUAL

KONSEP ASAS DAKWAH

Definisi Dakwah

Dr. Muslih al-Bayumi (1976) mendefinsikan dakwah itu sebagai pelaksanaan alim ulama' dan orang-orang orang yang memahami agama, mengajar orang ramai supaya mereka dapat memahami perkara-perkara agama dan dunia sekadar kuasa yang ada pada mereka. Zaidan (1978) mendefinisikan dakwah sebagai panggilan ke jalan Allah S.W.T. iaitu agama Islam agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Yusuf al-Qardhawi (1983) menakrifkan dakwah sebagai satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah S.W.T. dan melaksanakan segala ketentuan Allah S.W.T.

Muhammad al-Ghazali (1985) menegaskan bahawa dakwah adalah satu program yang sempurna dan lengkap, kesemuanya peringkatnya mengandungi semua jenis ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta bagi menyingkap petunjuk jalan yang akan meninjari kehidupan mereka.

Persiapan Pendakwah

Pendakwah yang berjaya adalah mereka yang mampu untuk menarik orang ramai terdiri daripada berbagai-bagai bentuk mentaliti kecenderungan, status dan ilmu pengetahuan supaya mengikuti dan menghayati ajaran Islam sebagai satu cara hidup. Kejayaan usaha dakwahnya bergantung kepada penguasaannya dalam aspek-aspek seperti memahami agama Allah, sabar, lemah lembut, memudahkan bukan menyusahkan, tawadhu' dan manis tutur kata. (Berhanudin Abdullah, 1997).

Justeru dalam melihat kefahaman pelajar tentang konsep asas dakwah dua aspek yang akan dilihat iaitu definisi dakwah dan persiapan pendakwah sebelum melakukan kerja-kerja dakwah.

METODOLOGI DAKWAH

Menurut Ab. Aziz Mohd. Zain (2001) metodologi merupakan perkara yang penting dalam dakwah kerana metodologi merupakan perkara yang teratur dalam penyampaian ajaran dakwah untuk mempengaruhi sasaran. Beliau telah membahagikan metodologi kepada beberapa bahagian iaitu berhubung dengan isi kandungan, gaya persembahan isi dan metodologi berkaitan dengan saluran dan media. Pendakwah yang mengikut cara yang betul ialah pendakwah yang menggunakan metodologi yang sesuai dengan sasarannya. Menurut Muhammad Khair Ramadhan, (1414H) metodologi memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan sesuatu usaha dakwah.

Isi kandungan dakwah sangat luas ia mencakupi keseluruhan Islam itu sendiri, yang terdapat di dalamnya berbagai-bagai bahagian dan sudut, sama ada berkait dengan aqidah, syariah dan akhlak. Sasaran dakwah juga bermacam-macam keadaan. Maka antara isi dan sasaran perlu disesuaikan.(Ab Aziz Mohd Zain:2001) Zaidan (1976) menjelaskan pendakwah yang berjaya perlu mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh sasarannya terlebih dahulu sebelum memulakan dakwahnya supaya apa yang dilakukannya itu tepat dan sesuai.

Gaya persembahan isi di mana isi kandungan disampaikan dalam bentuk biasa, bentuk mengajak berfikir, bentuk cerita, bentuk perbandingan, bentuk keras dan bentuk pujukan, bentuk ransangan dan lain-lain yang tujuannya supaya dapat menarik minat dan pengaruh kepada sasaran terhadap mesej atau maksud dari kandungan atau isi yang disampaikan.

Saluran dan media dakwah merupakan alat untuk menyampaikan isi atau mesej untuk sasaran. Antara contoh saluran dan media dakwah yang digunakan oleh Rasulullah SAW ialah hubungan perseorangan, hadis, al-Quran, ucapan Nabi, tulisan dan pendakwahan. .(Ab Aziz Mohd Zain:2001)Dr Imarah Najib (1980) menyebut tentang media informasi masa kini yang antaranya buku, khutbah, TV, radio dan Syarikat berita.

Kajian ini akan hanya akan melihat kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH tentang metodologi dakwah yang merangkumi aspek sasaran dakwah dan metodologi yang berkaitan dengan saluran dan media dakwah.

METOD KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH tentang asas dakwah Islamiah dan metodologi dakwah Islamiah. Justeru itu tinjauan ke atas aspek-aspek tersebut dilakukan dengan menggunakan soal selidik bagi memperolehi data-data premier. Bab ini juga menjelaskan secara khusus aspek-aspek kaedah penyelidikan yang digunakan di samping menjelaskan ukuran-ukuran yang digunakan bagi menganalisa data-data yang diperolehi.

PERSAMPELAN

Populasi kajian adalah pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH) dari tiga Fakulti Pengajian Islam iaitu Fakulti Syariah, Usuluddin dan Syariah. Terdapat seramai 607 orang pelajar dari ketiga-tiga fakulti ini. Berdasarkan populasi di atas seramai 203 orang telah dipilih sebagai sampel kajian. Jumlah sampel ini bersesuaian dengan cadangan yang dikemukakan oleh Sekaran (1995) bagi memperolehi data dari sampel yang disifatkan sebagai mewakili (representatif).

Manakala responden dipilih secara rawak bertujuan. Di mana responden yang dipilih adalah pelajar-pelajar dari Fakulti Pengajian Islam iaitu Fakulti Syariah, Usuluddin dan Syariah.

PENGUMPULAN DATA

Data-data bagi kajian ini dikategorikan kepada dua iaitu data premier dan data sekunder. Data premier merupakan data-data mentah yang diperolehi dari sumber asas iaitu menerusi soal selidik yang dapat menjelaskan objektif-objektif kajian ini.

ALAT KAJIAN

Instrumen atau alat kajian ini ialah soal selidik. Soalan soal-selidik dibina berdasarkan kepada litreture-review yang merangkumi konsep asas dakwah dan metodologi dakwah. Secara keseluruhan borang soal-selidik ini merangkumi dua bahagian utama seperti berikut:

- i- Bahagian A : Demografi responden
- ii- Bahagian B :
 - a. Tahap kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH tentang konsep asas dakwah Islamiah
 - b. Tahap kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH tentang metodologi dakwah Islamiah

BAHAGIAN A-DEMOGRAFI

Item-item pada bahagian ini meninjau perkara berkaitan dengan latar diri responden. Soalan-soalan demografi seperti jantina, umur, jenis pengajian dan tahun pengajian dikemukakan. Melalui bahagian ini dapat dikenal pasti latar belakang para responden.

BAHAGIAN B TAHAP KEFAHAMAN TENTANG KERJA-KERJA DAKWAH

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan tahap kefahaman tentang konsep asas dakwah Islamiah dan metodologi dakwah di kalangan responden. Ia bertujuan mengukur kefahaman responden terhadap dua aspek di atas.

Item-Item Tahap Kefahaman

Soalan-soalan bahagian ini dibentuk berdasarkan konsep dakwah Islam, persiapan pendakwah dan metodologi. Tujuan item-item bahagian kefahaman untuk menilai tahap kefahaman responden tentang kerja-kerja dakwah. Soalan dibentuk dalam dua demensi. Pecahan adalah seperti berikut:

1. Konsep asas dakwah Islamiah.
2. Metodologi dakwah

PENGUKURAN VARIABLE

Data-data interval bahagian b akan diukur menggunakan skala Likert lima peringkat. Kelima-lima kategori skala pengetahuan adalah 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju dan 5=sangat setuju. Contoh item bahagian B ialah;

1. Saya perlu melaksanakan tanggungjawab amr ma'ruf dan nahiyyi mmungkar.
2. Saya perlu menjadi contoh tauladan yang baik.

Skor itu kemudian direkod semula kepada 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 0=tidak pasti, 3=setuju dan 4=sangat setuju. Maka urutan markah adalah 0 hingga 4. soalan negatif pula akan direkod semula kepada 1=sangat setuju, 2=setuju, 3=tidak setuju dan 4=sangat tidak setuju.

Skor keseluruhan diperolehi dengan mencampurkan skor soalan-soalan setiap bahagian. Skor yang tinggi bermakna ia menunjukkan tahap kefahaman tentang kerja-kerja dakwah adalah tinggi. Manakala taburan skor yang rendah menggambarkan pengetahuan dan tahap kefahaman yang rendah.

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Pengedaran borang soal-selidik dapat dibahagikan kepada dua peringkat:

1. 300 borang soal-selidik telah diedarkan pada 13 September dan dikutip pada 15 September 2003 .

KAJIAN RINTIS

Bagi menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen bahagia (B) yang digunakan maka satu kajian rintis dan pra ujian telah dijalankan 23 Ogos 2003. Seramai 50 Orang pelajar telah dijadikan responden pra-ujian. Berdasarkan nilai Cronbach Alpha, hasil ujian kebolehpercayaan instrumen ini menunjukkan nilai 0.82 dan ini menunjukkan instrumen ini dapat digunakan bagi kajian sebenar.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Item

Item	Jumlah Item	Nilai Alpha
Kefahaman konsep asas dakwah	9	0.74
Kefahaman metodologi dakwah	11	0.55

PENGANALISAAN DATA

Kaedah diskriptif dan inferensi digunakan bagi menganalisis kajian ini. Bagi tujuan menghuraikan data secara umum analisis diskriptif akan digunakan. Kesemua data premier dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan program Statistical Packages For Social Science(SPSS) Windows versi 11.0. Bagi menghurai dan menerangkan demografi responden maka statistik diskriptif diguna pakai. Kaedah inferensi juga dilakukan ke atas beberapa item khususnya untuk menjelaskan skor dan min. Selain itu ujian kebolehpercayaan digunakan untuk menilai tahap kemantapan instrumen.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini memaparkan penemuan-penemuan kajian yang meliputi maklumat-maklumat demografi responden beserta analisis-analisis kajian. Segala bentuk data dan maklumat yang diperoleh dan dipersembahkan pada bahagian ini adalah berdasarkan soal-selidik yang meliputi responden seramai 204 orang. Kesemua data yang dipaparkan dianalisis menerusi statistik dengan menggunakan perisian spss versi 11.0. Laporan kajian ini akan dibuat berdasarkan kepada aspek demografi, tahap kefahaman responden tentang konsep dan metodologi dakwah dan identifikasi kerja-kerja dakwah.

UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Hasil ujian kebolehpercayaan di Jadual 4.1 menunjukkan kajian ini mempunyai tahap yang baik. Walaupun nilai alpha dalam kajian sebenar bagi tahap kefahaman mempunyai sedikit peningkatan berbanding nilainya semasa pra-ujian, namun tahapnya masih dapat dikategorikan sebagai boleh terima.

Jadual 2 : Nilai Alpha Ujian Kebolehpercayaan

Item	Pra-Ujian	Kajian Sebenar
Kefahaman konsep asas dakwah	0.74	0.74
Kefahaman metodologi dakwah	0.55	0.62

DEMOGRAFI

Kajian yang dijalankan melibatkan 204 orang pelajar INSANIAH yang mana 94 orang (46.1%) adalah lelaki dan 110 orang (53.9%) adalah pelajar perempuan. Daripada jumlah ini 99 orang (48.5%) adalah pelajar yang berumur kurang daripada 20 tahun selebihnya adalah pelajar yang berumur lebih daripada 21 tahun. Kebanyakannya daripada responden ini berada di dalam tahun dua pengajian di INSANIAH iaitu seramai 98 orang (48%) daripada jumlah responden yang menjawab soal selidik. Didapati seramai 87 orang dari fakulti Syariah (42.6%) manakala dari fakulti Usuluddin seramai 81 orang (39.7%) dan 36 orang dari fakulti Bahasa Arab.

Jadual 3: Demografi Responden

	Item	Kekerapan	Peratus
Jantina responden	Lelaki	94	46.1
	perempuan	110	53.9
	Jumlah	240	100
Umur responden	<20 tahun	99	48.5
	> 21 tahun	105	51.5
	Jumlah	204	100
Tahun pengajian responden	Satu	64	31.4
	Dua	98	48.0
	Tiga	42	20.6
	Jumlah	204	100.0
Jenis Pengajian	Usuluddin	81	39.7
	Syariah	87	42.6
	Bahasa Arab	36	17.7
	Jumlah	204	100.0

OBJEKTIF 1 MELIHAT TAHAP KEFAHAMAN PELAJAR-PELAJAR INSANIAH TERHADAP KONSEP ASAS DAKWAH ISLAMIAH DAN METODOLOGI DAKWAH ISLAMIAH

KEFAHAMAN MENGENAI KONSEP ASAS DAKWAH ISLAMIAH

Jika dilihat kepada kefahaman responden yang tentang konsep asas dakwah didapati min keseluruhan pada tahap 3.2. Item yang mendapat skor yang tinggi pada nilai 3.5 ialah kewajipan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkar. Skor lain yang paling tinggi ialah item yang menyatakan bahawa pendakwah perlu menjadikan dirinya

sebagai contoh tauladan yang baik sebagai ilmu merupakan antara persiapan utama untuk berdakwah iaitu pada nilai 3.5. Begitu juga bagi keperluan item persedian keilmuan iaitu keperluan mendalam dalam ilmu-ilmu Islam sebagai persiapan untuk berdakwah pada nilai 3.4, ilmu-ilmu fardhu kifayah (selain ilmu agama) yang ada hubung kait dengan masyarakat juga penting kepada pendakwah juga pada nilai yang sama. Skor bagi item lain iaitu persiapan psikologi juga perlu pada nilai 3.4 dan perlu memantapkan akidah pada nilai 3.3. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman yang tinggi tentang persiapan pendakwah.

KEFAHAMAN TENTANG METODOLOGI DAKWAH ISLAMIAH

Didapati bahawa kefahaman responden tentang metodologi dakwah Islamiah berada di tahap yang sederhana iaitu di bawah nilai 3.0 iaitu pada nilai 2.8. Skor yang paling tinggi diperolehi bagi item yang menyentuh tentang keperluan pendakwah mengamati situasi (keadaan) sasaran pada nilai 3.0 dan item yang menyatakan bahawa hubungan peribadi memainkan peranan yang penting untuk mengubah pemikiran sasaran juga pada nilai 3.0. Manakala item-item lain di bawah 3.0. Di dapati bahawa responden kurang memahami bahawa keberkesanan dakwah masa kini berkait rapat dengan kefahaman tentang kerja-kerja dakwah iaitu pada nilai 2.5. Mereka juga kurang memahami kepelbagaiannya media dakwah yang terkini dan menarik perhatian sasaran dakwah yang diukur melalui dua item iaitu internet merupakan salah satu medium dakwah pada nilai 2.6 dan unsur kesenian adalah cara berdakwah pada nilai 2.5.

Jadual 4: KEFAHAMAN TENTANG KONSEP DAN METODOLOGI DAKWAH

ITEM	MIN
KEFAHAMAN TENTANG KONSEP DAKWAH	
Saya perlu melaksanakan tanggungjawab amar ma'ruf dan nahi mungkar	3.5
Saya tidak sekadar menyeru sasaran kepada agama Islam	2.9
Gerakan dakwah perlu seiring dengan perkembangan masyarakat	3.1
Saya memikul tanggungjawab yang lebih besar untuk menyampaikan seruan dakwah	3.3
Saya perlu menjadi contoh tauladan yang baik	3.5
Saya perlu mengetahui ilmu-ilmu fardhu kifayah (selain ilmu agama) yang ada hubungkait dengan masyarakat	3.2
Saya perlu mendalam dalam ilmu Islam sebelum pergi berdakwah	3.4
Saya perlu berani dan sabar ketika berdakwah	3.4
Saya perlu memantapkan akidah sebelum berdakwah	3.3
Jumlah	3.3
KEFAHAMAN TENTANG METODOLOGI DAKWAH ISLAMIAH	
Saya perlu memilih metod yang sesuai dengan sasaran	2.9
Saya perlu menggunakan pendekatan psikologi ketika berdakwah	2.9
Saya perlu memilih metod yang boleh mempengaruhi sasaran	2.8
Saya perlu faham tentang metodologi dakwah masa kini	2.5
Saya menggunakan hubungan peribadi untuk mengubah pemikiran sasaran	3.0
Internet merupakan salah satu medium dakwah	2.6
Unsur kesenian adalah cara berdakwah	2.5
Kegiatan Usrah adalah satu manifestasi dakwah di INSANIAH	2.8
Saya perlu berdakwah kepada golongan bukan Islam	2.9
Pendakwah perlu bijak mengamati situasi (keadaan) sasaran	3.4
Sebelum berdakwah da'ie perlu mengenalpasti latar belakang sasaran	2.9
JUMLAH	2.8

OBJEKTIF 2 MENGENALPASTI PERHUBUNGAN ANTARA TAHAP KEFAHAMAN TENTANG KONSEP DAKWAH ISLAMIAH DENGAN TAHAP KEFAHAMAN TENTANG METODOLOGI DAKWAH ISLAMIAH.

Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kefahaman tentang konsep dakwah dengan dengan tahap kefahaman tentang metodologi dakwah

Hasil ujian Korelasi menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah ini. Ini bermakna tahap kefahaman tentang konsep dakwah mempengaruhi tahap kefahaman tentang metodologi dakwah. Hubungan ini dalam bentuk positif ini menunjukkan semakin tinggi tahap kefahaman tentang konsep dakwah semakin tinggi kefahaman tentang metodologi dakwah.

Jadual 5: Ujian Kolerasi antara tahap kefahaman tentang konsep dakwah dengan dengan tahap kefahaman tentang metodologi dakwah

Konsep dakwah	Korelasi Pearson Sig. N	Metodologi
		.492** .000 204

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN DAN KESIMPULAN

Bab ini membincangkan hasil kajian dan kesimpulan tentang kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH terhadap konsep dan metodologi dakwah. Perbincangan turut berkisar tentang cadangan-cadangan untuk meningkatkan kefahaman dan perlaksanaan dakwah yang lebih progresif di kalangan pelajar-pelajar INSANIAH khususnya dan pelajar-pelajar agama amnya.

KEFAHAMAN PELAJAR-PELAJAR INSANIAH TENTANG KONSEP DAN METODOLOGI DAKWAH

Secara keseluruhannya kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH tentang kerja-kerja dakwah adalah tinggi pada nilai min 3.3 . Hasil soal-selidik mendapati mereka mempunyai kefahaman yang tinggi tentang konsep asas dakwah Islamiah. Kefahaman ini berkait rapat dengan kedudukan dakwah dan tanggungjawab seorang Islam untuk menyampaikan seruan dakwah sejarah dengan matlamat INSANIAH untuk melahirkan ulama'-ulama' cemerlang. Sebagaimana firman Allah swt yang bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islām) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

(Sūrah Ā-li Imrān:104)

Mereka juga mempunyai kefahaman yang tinggi tentang persiapan-persiapan yang perlu bagi menjadi pendakwah yang baik. Sebagaimana yang diutarakan Badlihisham Mohd. Nasir (2000) bahawa di antara sifat pendakwah yang digariskan sebagai ciri-ciri asas ialah mempunyai keilmuan Islam yang mendalam, niat yang ikhlas, baik tingkah laku, bersemangat juang dan sedia berkorban. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“ Barangsiapa yang menunjukkan jalan kebaikan maka baginya pahala (sebesar) pahala orang yang melakukannya. (Riwayat Muslim dan Abu Daud)

Tidak dinafikan bahawa persiapan yang perlu ada pada pendakwah itu juga sebenarnya adalah muslim yang sebenar yang dikehendaki dalam Islam. Dan pelajar-pelajar INSANIAH yang mendapat pendidikan agama secara formal telah dibentuk ke arah tersebut sesuai dengan objektif yang digariskan oleh INSANIAH iaitu menawarkan program pendidikan yang seimbang bagi melahirkan graduan dan intelek yang mampu berperanan sebagai ulama dan profesional Islam yang berilmu, beramal dan bertaqwa.

Manakala kefahaman responden tentang metodologi dakwah berada di tahap yang sederhana dengan nilai min 2.8. Para responden kurang prihatin tentang keperluan memahami kerja-kerja dakwah yang merangkumi media dan sasaran dakwah bagi menjamin keberkesanannya. Menurut Ab. Aziz Mohd. Zin (2001) metodologi merupakan perkara penting dalam dakwah kerana ia merupakan penggunaan yang teratur dalam penyampaian dakwah untuk mempengaruhi sasaran. Mereka juga kurang faham tentang kepelbagaiannya media dakwah serta penggunaan media yang terkini seperti unsur seni,internet dan media cetak. Ini bertepatan dengan pendapat Ab. Aziz Mohd Zain (2001) bahawa permasalahan ini wujud disebabkan ramai orang Islam masih ragu untuk menggunakan media masa kini sebagai saluran dakwah dan tidak ada kepakaran penggunaan media cetak dan media elektronik.

HUBUNGAN ANTARA KEFAHAMAN TENTANG KONSEP DAKWAH DENGAN KEFAHAMAN METODOLOGI DAKWAH.

Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman tentang konsep asas dakwah turut mempengaruhi tahap kefahaman responden tentang metodologi dakwah. Semakin tinggi tahap kefahaman mereka tentang konsep asas dakwah maka semakin tinggi kefahaman tentang kepelbagaiannya dalam berdakwah. Ini menunjukkan bahawa perlunya pelajar-pelajar mempersiapkan diri bukan sahaja sekadar penguasaan ilmu dalam isi dakwah tetapi juga mendalami aspek-aspek yang berkaitan dengan metodologi dakwah.

RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi didapati bahawa kefahaman pelajar-pelajar INSANIAH terhadap asas dakwah adalah tinggi. Ini bermaksud bahawa latar belakang pendidikan mereka telah mempengaruhi kefahaman mereka terhadap usaha-usaha dakwah. Kepelbagaiannya pemilihan metodologi dakwah berada di tahap sederhana.

CADANGAN UNTUK MENINGKATKAN KEFAHAMAN DAN PENGLIBATAN PELAJAR INSANIAH DALAM KERJA-KERJA DAKWAH.

- i- Pihak INSANIAH perlu membentuk akademi dakwah yang melatih pendakwah dan merancang program-program dakwah yang sesuai untuk keperluan masyarakat.
- ii- Perlunya ada hubungan dan kerjasama antara institusi-institusi dakwah dengan pelajar di INSANIAH untuk membentuk visi dan model dakwah yang kemas dan mantap.
- iii- Perlunya komunikasi antara pemikir dakwah dengan pelajar-pelajar INSANIAH untuk percambahan idea serta dikembangkan kepada sasaran.
- iv- Perlunya kerjasama dari pihak-pihak tertentu terutamanya dalam menyediakan modal kewangan dan kelengkapan lain untuk pelajar-pelajar INSANIAH berdakwah.
- v- Perlunya sokongan dari ibu bapa, pentadbiran institusi pengajian INSANIAH, masyarakat setempat dan kerajaan negeri Kedah untuk menggalakkan pelajar-pelajar terlibat dalam kerja-kerja dakwah.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Di dalam kajian ini, penglibatan pelajar-pelajar aliran agama hanya di INSANIAH, Kedah. Oleh itu bilangan responden adalah kecil dan tidak dapat mewakili keseluruhan pelajar-pelajar aliran agama di seluruh negara. Masih terdapat aspek yang belum disentuh dalam kajian ini. Justeru itu, kajian seterusnya perlu di lakukan dengan mengembangkan lagi skop dan lokasi kajian. Ini dapat memberi kesimpulan yang lebih tepat tentang kefahaman dan kerja-kerja dakwah pelajar aliran agama.

Kajian juga perlu dilakukan kepada masyarakat umum kerana ia akan menggambarkan tentang kefahaman masyarakat Islam terhadap kerja-kerja dakwah yang menjadi tuntutan ajaran Islam. Kajian juga boleh dikembangkan lagi kepada aspek-aspek lain seperti media dakwah, isi kandungan dakwah, cabaran-cabaran dakwah dan proses perlaksanaan dakwah di peringkat yang lebih tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya perlaksanaan kerja-kerja dakwah di kalangan pelajar-pelajar aliran agama memerlukan persediaan yang lengkap samada fizikal dan mental untuk memastikan keberkesanannya di kalangan sasaran. Semua masyarakat Islam perlu berganding bahu dalam bersama-sama menyampaikan ajaran Islam dan berusaha melahirkan pendakwah-pendakwah yang berkaliber dan dapat menarik perhatian masyarakat. Oleh itu, generasi muda pendakwah khususnya pelajar-pelajar agama perlu diberi perhatian dan semangat untuk terus berjuang dalam menyampaikan seruan Allah S.W.T.

RUJUKAN

Al-Quran

Ab. Aziz Mohd. Zain. 2001. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ghalwasy, A.A. 1978. Al-Da'wah al-Islamiyyah:Usuluhu wa Wasailuhu. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misriy

Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani. 2000. Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia. Selangor: UKM.

Abul A,la Al-Maududi. 1982. Petunjuk Juru Dakwah. Singapura: Pustaka Nasional.

Muhammad al-Ghazali. 1985. Ma'a Allah. Kaherah: Dar al-Kutub al-Islamiah.

Roslan Mohamed. 2001. Faktor Kegemilangan Dakwah Islamiah. Jurnal YADIM.

Wan Hussein Azmi. 1984. Ilmu Dakwah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Hussein Azmi. 1988. Panduan Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusuf al-Qardhawi. 1983. Thaqafah al-Dai'yah. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zaidan, Abdul Karim. 1976. Usul al-Da'wah. Baghdad: Dar al-Bayan.

Zuraini Husain, Ahmad Rafaai Ayudin. 1996. Da'wah dan Tuntutannya. Selangor: Penerbitan al-Kauthar.